



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU**
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptgtrg@terengganu.gov.my

PTG.TR. G/05/1998/06/05 (15)
Bertarikh : 9 Julai 2020
Bersamaan : 17 Zulkaedah 1441H

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU

Pentadbir Tanah
KEMAMAN

Pentadbir Tanah
DUNGUN

Pentadbir Tanah
BESUT

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU

Pentadbir Tanah
MARANG

Pentadbir Tanah
SETIU

Pentadbir Tanah
KUALA NERUS

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 6/2020
ULASAN MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PERINGKAT DAERAH

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung dengan ulasan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang diadakan bagi permohonan tukar syarat tanah di bawah seksyen 124 KTN.

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful
Terengganu
Malaysia

2. LATAR BELAKANG

Pentadbiran ini telah menerima teguran daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkaitan ulasan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di peringkat daerah yang dikemukakan dalam kertas kerja adalah terlalu umum. Contoh ulasan umum ialah dengan menyatakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang bersidang bersetuju **tidak menyokong / menyokong** permohonan ini. Ulasan berkenaan menimbulkan kekeliruan di kalangan ahli-ahli MMKN untuk membuat keputusannya.

3. PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan perkara tersebut pentadbiran ini bersetuju agar Pentadbir Tanah memasukkan justifikasi pengesyoran pada kertas kerja permohonan tukar syarat dibawah seksyen 124 KTN.

Keputusan mesyuarat berkenaan adalah memadai dan tidak memerlukan agensi-agensi teknikal terlibat mengemukakan surat baharu hasil daripada keputusan mesyuarat teknikal tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi permohonan yang melebihi tempoh 6 bulan, Pentadbir Tanah perlu mendapatkan nilai yang baharu kerana nilai tanah hanya berkuatkuasa dalam tempoh 6 bulan sahaja sebagaimana surat Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Harta (JPPH) kepada Pentadbir Tanah.


4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 1/2020 bertarikh 13 Januari 2020.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**TENGGU SERI BIJAYA RAJA**)
Pengarah Tanah dan Galian
TERENGGANU